



## YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

### SIARAN MEDIA

#### ***BETTER BRIGHTER* ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL MELAKA TAJAJAN TENAGA NASIONAL BERHAD KINI MULA BEROPERASI**

**MELAKA, 20 FEB** – Menyedari tentang keperluan bagi membantu kumpulan sasar di hospital, YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyerahkan kunci *Better Brighter* Anjung Kasih YKN kepada Dr. Zaharimah Abdul Kadir, Pengarah Hospital Melaka sebagai tanda pengoperasian bagi *Better Brighter* Anjung Kasih YKN Hospital Melaka yang mendapat tajaan Korporat daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM1,189,200.00. Tajaan TNB bagi *Better Brighter* Anjung Kasih YKN Hospital Melaka ini merupakan tajaan kedua selepas *Better Brighter* Anjung Kasih YKN Hospital Serdang.

Anjung Kasih YKN berpandukan teras pengukuhan jalinan keluarga dan komuniti tempatan adalah salah satu kemudahan penginapan sementara yang disediakan kepada pesakit atau waris pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan secara percuma. Melalui Anjung Kasih YKN ini, ia dapat memberi manfaat kepada pesakit atau waris pesakit miskin yang memerlukan penginapan sewaktu mendapatkan rawatan atau mengiringi pesakit disebabkan jarak antara rumah dan hospital yang jauh. Anjung Kasih YKN juga turut digunakan sebagai tempat sokongan keluarga di mana keluarga pesakit dapat menemani pesakit yang sedang menjalani rawatan di hospital kerajaan.

Di samping itu, sepanjang tempoh pandemik COVID-19, *Better Brighter* Anjung Kasih YKN tajaan TNB turut digunakan oleh *frontliner* hospital yang perlu sentiasa bersiap sedia dalam menjalankan tugas secara *ad hoc* di hospital. Kerjasama strategik antara YKN dan TNB ini amat bertepatan dengan hasrat untuk mengurangkan beban golongan yang memerlukan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat untuk membina dunia yang kekal maju supaya tiada yang ketinggalan. Sehingga Disember 2020, sebanyak 12 buah Anjung Kasih YKN yang telah beroperasi dan memberi manfaat kepada 79,282 orang penghuni di seluruh negara.

Hadir sama YB Datuk Wira Latipah Omar, Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Negeri Melaka, YB Datuk Rahmad Mariman, Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka, YBhg. Datuk Dr. Ismail Ali, Pengarah Kesihatan Negeri Melaka, Encik Wan Hairul Razli Ahmad Kushaari, *Senior Manager, Communication, Corporate Relations, Group Corporate Comms*, TNB, Ir. Khairizam Ibrahim, *Head of State Retail*, TNB Melaka, Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, Puan Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN dan Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN.

YKN sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN melaksanakan projek membantu golongan yang memerlukan.

**Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

<b>Nama Akaun</b>	<b>Yayasan Kebajikan Negara Malaysia</b>	
<b>Nama Bank</b>	<b>Alliance Islamic Bank Berhad</b>	<b>Maybank Islamic Bank Berhad</b>
<b>Nombor Akaun</b>	<b>160140010004801</b>	<b>568621012284</b>

\*\*\*

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat**  
**Yayasan Kebajikan Negara**  
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
03-8323 2437/2420